



**TEKS UCAPAN YAB MENTERI BESAR PERLIS
BERSEMPENA MAJLIS MAAL HIJRAH PERINGKAT NEGERI
PERLIS BAGI TAHUN 2023 / 1445 H**

19 JULAI 2023 (KHAMIS)

9.30 PAGI

SEKOLAH MENENGAH SAINS TUANKU SYED PUTRA

Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

SALAM PERLIS. “RAJA BERDAULAT, RAKYAT BERILMU, NEGERI SEJAHTERA, PERLIS MAJU”

Mengadap,

Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail,

Dan

Mengadap,

Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Dr. Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Ampun Tuanku,

Patik merafak sembah, menjunjung setinggi-tinggi kasih atas limpah perkenan Duli-Duli Tuanku berangkat ke Majlis Maal Hijrah Peringkat Negeri Perlis Tahun 2023 bersamaan 1445 H.

Ampun Tuanku,

Patik pohon ampuni limpah perkenan Duli-Duli Tuanku untuk patik meneruskan ucapan kepada hadirin-hadirat yang hadir pada hari ini.

Ampun Tuanku,

Yang Berhormat Tuan Muhammad Azmir bin Azizan, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis, Pengerusi Jawatankuasa Hal-Ehwal Agama Islam, Pendidikan, Belia & Sukan, Pembangunan Sumber Manusia, Penerangan Dan Badan Bukan Kerajaan

Yang Berhormat Dato' Yusran Shah bin Mohd Yusof,

Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis dan pasangan,

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Datin-Datin, Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan, Para Pegawai, Tuan-Tuan dan Puan-puan yang dirahmati Allah Subhanahu Wa Taala sekalian.

1. **Alhamdulillah**, bersyukur kehadiran Allah SWT yang telah memberikan taufiq dan rahmat kepada kita untuk dapat hadir pada majlis yang berbahagia pada hari ini. **Tahniah** diucapkan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs), Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), jabatan-jabatan dalam Kerajaan Negeri dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan program pada kali ini.
2. **Islam** adalah agama yang mendidik umatnya untuk bersatu padu dalam perkara kebaikan. **Umat** ini disuruh oleh Allah SWT untuk berpegang teguh dengan 'Tali Allah' yakni Islam dan tidak berpecah belah. **Perkara** ini telah dijelaskan oleh Allah SWT dalam Surah Ali Imran ayat ke-103 yang bermaksud:

“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada ‘tali Allah’ (yakni agama Islam) dan janganlah kamu bercerai berai”.

3. **Melihatkan** kepada kepentingan semangat bersatu padu atau dalam Bahasa Arabnya disebut sebagai “**al Ruh al Ijtima’ie**” maka tema yang diangkat pada Majlis Maal Hijrah bagi tahun 1445 Hijriyyah kali ini ialah “*Perpaduan Teras Malaysia Madani*.”

Hadirin Sekalian,

4. **Hijrah** adalah suatu proses perjalanan hidup untuk mencari keredhaan Allah SWT. **Hijrah** bukan sekadar difahami dalam ertikata berpindah secara fizikal sahaja, tetapi ia perlu melibatkan penghijrahan spiritual atau rohani kepada pengabdian diri sepenuhnya kepada Allah SWT yang Maha Esa.
5. **Inilah** proses hijrah yang diterapkan oleh Baginda Rasulullah SAW kepada para sahabat di bumi Mekah sebelum perintah hijrah ke Madinah itu berlaku. **Inilah** hijrah paling besar yang perlu tersemat dalam jantung hati dan perjalanan hidup setiap manusia. **Perkara** ini telah dijelaskan oleh Rasulullah SAW ketikamana membicarakan tentang keikhlasan niat dalam setiap amalan yang dilakukan oleh anak Adam.

6. **Sabda** Rasulullah SAW dalam hadis tersebut seperti mana yang direkodkan oleh Imam al Bukhari dan Imam Muslim, yang bermaksud:

“Sesiapa yang hijrahnya itu kerana Allah dan Rasulnya maka hijrahnya itu adalah kerana Allah dan Rasul, manakala sesiapa yang hijrahnya semata-mata kerana habuan dunia yang ingin dikecapinya atau perempuan yang ingin dia nikahi, maka hijrahnya itu hanyalah kerana apa yang dia inginkan”.

Daripada hadis ini jelas menunjukkan kita tentang kepentingan berhijrah demi menggapai Redha Allah SWT.

Hadirin Sekalian,

7. **Alhamdulillah**, hari ini negeri kita telah melakukan satu penghijrahan yang besar yang kita harapkan mendapat keredhaan dan pertolongan dari Allah SWT. **Tahun** ini Kerajaan Negeri telah membuat satu keputusan yang besar melibatkan aktiviti yang umum mengetahui boleh membawa kerosakan kepada diri, keluarga malah kehidupan masing-masing.

8. **Pemberhentian** lesen premis judi telah diumumkan baru-baru ini.

Insyallah selepas bulan Mac tahun hadapan, tiada lagi premis judi yang akan diperbaharui di Negeri Perlis. **Apa** yang kita semua harapkan dan yakin Allah akan memberkati negeri yang kita cintai ini dan akan mengurniakan rezeki yang akan dinikmati oleh seluruh rakyat yang berbilang kaum dan agama di negeri Perlis ini.

9. **Islam** telah mengangkat darjat kemuliaan bagi manusia yang dahulunya mensyirikkan Allah SWT kepada Tauhid, dan juga ia menyelamatkan manusia daripada segala bentuk kejahatan dan penganiayaan yang berlaku dalam sejarah hidup umat manusia. **Islam** mengeluarkan manusia daripada kegelapan jahiliyah kepada Cahaya Islam.

10. **Telah** berkata *Saidina Umar Radhiyallahu Anhu: “Kita adalah suatu kaum yang Allah SWT muliakan dengan Islam, maka jika kita mencari selain daripadanya maka Allah akan memberikan kehinaan kepada kita.”*

Hadirin sekalian,

11. **Sebagai** umat Islam kita perlulah menjadikan Rasulullah SAW dan para sahabat sebagai contoh teladan dalam kehidupan. **Apabila** berada di kota Madinah, Rasulullah SAW dan para sahabat telah membentuk sebuah perlembagaan yang dinamakan sebagai *Piagam Madinah*. **Jika** diteliti maka kita akan dapati hampir keseluruhan daripada isi kandungan piagam tersebut adalah dibentuk untuk menjaga hak umat Islam dan juga yang bukan beragama Islam.
12. **Konsep perpaduan** sebenar itu telah diterapkan oleh Baginda Nabi SAW kepada penduduk Madinah yang ketika itu terdiri sebahagian besarnya daripada umat Islam dan minoritinya pula adalah non muslim. **Inilah** yang dinamakan sebagai Islam agama Rahmat untuk sekalian alam. **Islam** bukan sahaja memberi Rahmat kepada umatnya sahaja tetapi keadilan dan kebaikan yang dibawa oleh agama ini turut sama dirasakan oleh mereka yang menganut agama-agama lain.
13. **Mengakhiri ucapan**, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang membantu secara langsung dan tidak langsung bagi menjayakan **Majlis Maal Hijrah 1445 Hijriyyah** pada kali ini. **Semoga** segala penat lelah dan keringat, akan diberikan pahala dan ganjaran sebaiknya di sisi Allah SWT.

Ampun Tuanku,

Demikianlah sembah ucapan patik.

Sekali lagi patik merafak sembah, menjunjung setinggi-tinggi kasih atas limpah perkenan Duli-Duli Tuanku berangkat ke majlis pada hari ini.

Sekian, wabillahitaufik wal hidayah wassalamu alaikum wrtbh.

Menjunjung Kasih Tuanku,

Ampun Tuanku.